

“TIKUS MEMBAIKI LABU”

Kisah tikus memperbaiki labu memang sudah masyhur sehingga menjadi tamsil ibarat dalam persuratan Melayu, dan sekarang jejaknya sedang diikuti oleh beberapa penulis mentah yang berfahaman anti Islam ketika mereka mengespos soal Bahasa Melayu.

Telatah penulis-penulis itu telah dikupas oleh Cikgu Mahmūd Bin Ahmad di dalam “Majalah Bintang” (16 Ogos) katanya:

“Di Indonesia di antara orang-orang yang terang-terang tidak gemar dengan anasir Bahasa Arab dalam Bahasa Indonesia ialah ahli bahasa muda Indonesia “Man Yā Ajūta” dari Malang. Dia mengatakan “*al-Salām ‘alaykum*” patut dibuang sebab bukannya Bahasa Indonesia. bacaan Quran tidak perlu, cukup terjemahannya sahaja pendeknya apa sahaja yang berbau Arab dalam bahasa dan masyarakat Indonesia tidak menyenangkan hatinya. Tulisannya sebagai membeci agama Islam iaitu agama yang dianuti oleh 85 peratus umat Indonesia telah dijawab oleh orang-orang yang merasa tersinggung (baca Majalah Waktu awal tahun 1955).

“Di Malaya orang-orang yang mempunyai fikiran seperti itu telah timbul iaitu mereka berkehendak sedapat-dapatnya apa sahaja anasir Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu hendaklah dijauhi. Sebab katanya anasir-anasir itu tidak sesuai dengan lidah orang Melayu yang sebutannya atau lughahnya (longhatnya?) Selalu ringan dan pendek.”

Setelah menurunkan kata-kata Arab seperti: Zahir, Sifat, hak, sayik, hafaz, darab dan lain-lainnya. Yang dipandangnya tidak dibunyikan- oleh orang melayu- seratus peratus seperti asalnya bahkan ejaan pun banyak telah berubah maka Cikgu Mahmūd berkata:

“Dalam pada itu orang-orang Melayu yang beragama Islam dan cita Islam serta terpelajar seharusnya pandai menyebut dengan fasih dan betul ejaannya (kata-kata Arab itu); apa lagi huruf Jawi yang berasal dari huruf Arab masih

terpakai di Malaya ini.”

Cikgu Mahmud bertanya mengapa penulis-penulis yang inti Islam itu tidak senang hatinya kepada kata-kata dan ejaan Arab pada hal mereka kelihatan tergilag-gila menggunakan kata-kata yang janggal bunyinya pada lidah Melayu seperti “organisasi”, “komunikasi”, paramasastera”, “dermawasita” dan lain-lainnya?

Tentang ini saya suka tafsirkan sebab-sebabnya:

Pertama- kerana itulah sangkaan-sangkaan modal penulis-penulis tersebut dan makin diperbaik oleh mereka menggunakan kata-kata yang seperti itu makin “tinggi” darjat sasterawannya.

Kedua- Harus mereka tidak pernah belajar membaca Qur’an, barangkali juga tidak pernah mengadap kiblat!

Yang peliknya, bila mereka menulis kata-kata Inggeris atau Belanda kacukan, kelihatan menulisnya dengan betul (dan cukup, lengkap dengan huruf ruminya) begitu juga tentang membunyikannya cukup dengan “ponitiknya”!

Saya masih ingat dalam masa heboh dengan soal Kongres Bahasa Indonesia dahulu sebuah akhbar Melayu di Singapura (keluaran hari ahad) telah menulis kalimah “periadapis” berulang-ulang sepuluh kali di dalam rencana pengarang dengan huruf rumi (pada hal jangkanya sekali sudah cukup) seolah-olah kalimah “periadapis” itu wahyu yang turun dari langit dan haram ditulis dengan huruf Jawi tetapi apa tak dikatakan si kudung mendapat janjinya?!

Atas apa-apa hal pun saya persilakan saudara Asraf dan rakannya yang berbungkus dengan nama “pencinta ilmu pengetahuan” (tongkat bimo?) Sudi apalah kiranya membaca dan memahamkan tulisan Cikgu Mahmūd yang menghiasi “Majalah Bintang” itu.